

30 MAC 2018

Waspada tawaran ke luar negara



AWIE (kanan) bersama dua mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa di Peru. Turut sama Pegawai BiKUM Kamarulzaman Ahmad (kiri) pada sesi sembang santai di Kuala Lumpur.

Waspada tawaran ke luar negara

Kuala Lumpur: Biro Kebajikan UMNO Malaysia (BiKUM) menasihati orang ramai supaya berwaspada apabila menerima tawaran ke luar negara kerana khuitir menjadi mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Setiausaha BiKUM Awie Shouibli Jamal berkata, berdasarkan pemerhatian terhadap beberapa kes sebelum ini, mangsa adalah mereka yang mudah terpengaruh dengan tawaran menarik diberikan.

“Sehingga kini, kita mendapat maklumat empat lagi rakyat Malaysia terkandas di luar negara akibat sindiket terbabit dan modus operandi digunakan masih sama cuma sasaran kali ini berbeza.

“Sebelum ini, kita lihat ramai

mangsa terdiri daripada wanita namun kali ini sindiket berkenaan menggunakan lelaki pula yang tidak tahu membaca dan berperwatakan lembut,” katanya dalam sesi sembang santai bersama dua mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa, di sini, semalam.

Katanya, BiKUM ingin memaklumkan kepada rakyat Malaysia supaya lebih berhati-hati dan mengetahui beberapa kaedah bagi mengelak daripada menjadi mangsa sindiket berkenaan.

“Saya berharap rakyat Malaysia yang menerima tawaran pekerjaan, percutian atau apa saja membabitkan luar negara diminta menyemak agensi menawarkan perkhidmatan itu di kedutaan atau Wisma Putra,” katanya.